


LAPORAN: ANITA ABU HASAN dan RAIHAM SANUSI • FOTO: ZAHID IZZANI

BAHAGIAN 1

Projek Tambakan Laut di Selatan Pulau Pinang (PSR) mendapat tentangan hebat daripada pelbagai pihak dalam kalangan rakyat negeri itu sendiri, puluhan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan aktivis alam sekitar.

Mereka mendakwa projek PSR oleh kerajaan itu menindas golongan marhaen terutama nelayan pantai. Malah, lebih menyediakan tiga pulau buatan melibatkan keluasan tanah lebih 1,800 hektar itu didakwa akan menjejaskan ekosistem laut, pencemaran alam sekitar, industri pelancongan dan warisan tradisi perkampungan nelayan.

Ibarat gunung beripi, kesan tambak laut itu akan memuntahkan kesan buruk kepada kira-kira 5,000 nelayan di negeri itu apabila hasil tangkapan laut merosot apabila tambak laut mega itu menjadi realiti nanti. Ikuti laporan penuh Anita Abu Hasan dan Raiham Sanusi minggu ini.



Peta menunjukkan tiga pulau buatan yang akan dibina di selatan Pulau Pinang.

Pulau buatan lenyapkan nelayan Pulau Pinang

GEORGETOWN

Hari esok yang kelam! Itu masa depan yang diramalkan akan menghimpit lebih 5,000 nelayan pantai di Pulau Mutiara jika Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang (PSR) bagi membina tiga pulau buatan dilaksanakan kerajaan negeri.

Projek mega penuh kontroversi itu didakwa akan memberi banyak implikasi buruk terutamanya kepada nelayan pesisir pantai di seluruh Pulau Pinang yang sememangnya sudah berdepan dengan pelbagai kesan negatif akibat projek tambak laut terdahulu di negeri itu.

Kesan paling ketara ialah pendapatan mereka terjejas teruk saban tahun ekoran hasil tangkapan ikan, udang, ketam dan sotong yang semakin berkurangan impak daripada projek tambakan demi tambakan yang dilaksanakan kerajaan negeri sejak 50 tahun lalu di Pulau Pinang.

Berikut itu, mereka amat bimbang dan membantah sekeras-kerasnya PSR kerana projek tambakan laut pada skala lebih besar itu dilihat akan memburukkan lagi nasib mereka sekali gus boleh diutarakan seperti menabur pasir ke dalam periuk nasi mereka.

Wartawan *Sinar Harian* turut mengikuti pasangan nelayan separuh abad, Hamzah Othman dan Rosinah Taib keluar menangkap ikan di sekitar perairan Pulau Pinang bagi menyelami sendiri betapa sukarnya mereka mencari sesuap nasi.

Seawal jam 6 pagi, suami isteri gigih itu sudah keluar dari rumah mereka di perkampungan nelayan Tanjung Teluk Tempoyak sebelum sampan mereka perlahan-lahan membelah gelora lautan, namun ketika matahari terpacak di atas kepala mereka hanya pulang dengan tangkapan ikan yang beratnya tidak sampai dua kilogram dan beberapa ekor udang serta ketam.

Masalah lumpur

Hamzah, 54, berkata, pendapatan setiap bulan yang diraihnya sekarang hanya sekadar cukup-cukup makan dan adakalanya pada hari-hari tertentu hasil tangkapan yang dibawa pulang hanya cukup untuk menampung kos minyak diesel bot mereka sahaja.

Katanya, sejak 10 tahun lalu purata pendapatannya merosot teruk iaitu hanya memperoleh sekitar RM1,000 sebulan berbanding kira-kira RM3,000 sebulan sebelumnya dan ia dipercayai berpunca daripada kesan tambak laut di kawasan Padang Kota

Lama dan Tanjung Tokong.

"Hasil tangkapan ikan sekarang memang dah kurang, saya dan Rosinah biasanya cuma dapat antara lima ke enam kilogram ikan setiap kali turun ke laut, udang dengan ketam yang kami dapat juga tak banyak, tak sampai tiga kilogram pun."

"Bukan hasil tangkapan saya saja yang merosot, tapi nelayan-nelayan lain pun turut alami nasib sama," katanya.

Bapa dua anak itu berkata, projek tambak laut yang terletak tidak jauh dari perkampungan nelayan mereka iaitu di Padang Kota Lama dan Tanjung Tokong dipercayai menjadi punca kawasan perairan selatan Pulau Pinang mengalami masalah lumpur.

"Bila berlaku tambak laut, akan ada lumpur, jadi lumpur dari kawasan tambak laut itu dibawa arus ke kawasan perairan kampung menyebabkan ikan dan hidupan laut lain banyak lari."

"Sebab itu saya sangat risau bila dengan PSR nak dibuat tak jauh dari kampung saya kerana masa depan kami nelayan dah nampak kelam. Bila dibuat tambak laut di kawasan ini, tempat ikan membiak akan musnah," katanya yang menghambarkan diri sebagai nelayan sejak berusia 20 tahun.

Lokasi pembinaan projek PSR meliputi kawasan perairan sekitar Gertak Sanggul, Teluk Kumbar, Tanjung Teluk Tempoyak dan Permatang Damar Laut dengan keluasannya dianggarkan kira-kira 1,821 hektar iaitu tujuh kali saiz Georgetown.

Di bawah projek itu, kawasan penangkapan hasil laut seperti ikan, ketam dan udang bagi nelayan pantai akan ditambah menyebabkan kawasan itu musnah kerana berada dalam zon penambakan selain sesetengah zon air akan menjadi kawasan larangan untuk nelayan masuk semasa kerja penambakan dilakukan.

Akibatnya, nelayan harus pergi lagi jauh untuk menangkap ikan dan ini seterusnya akan menyebabkan kos minyak semakin mahal dan masa menangkap ikan akan bertambah.

Terpaksa tangkap ikan guna bubi

SEORANG nelayan Rosinah Taib, 56, berkata, sebagai ikhtiar menambah pendapatan, sejak enam bulan lalu mereka turut menahan bubi selain menggunakan pukat benang.

"Kami dulu bergantung pada hasil daripada pukat benang untuk menangkap udang dan ikan tapi sejak udang dan ikan pun makin kurang kebelakangan ini, kami tahan bubi pula. Tapi guna bubi pun kadangkala tak banyak ikan yang mengena sebab hasil laut dah berkurangan di kawasan ini kesan tambak laut sedia ada."

"Sebab itu saya merayu agar projek PSR dibatalkan kerana sudah tentu kami akan hilang mata pencarian jika projek ini diteruskan pelaksanaannya," kata Rosinah yang telah bergelar nelayan sejak berusia 12 tahun lagi.



ROSINAH



HAMZAH

Antara projek tambak laut di Pulau Pinang

- Tambakan projek pelupusan sampah di Jelutong (1970an)
- Tambakan projek Jambatan Pulau Pinang (1982)
- Tambakan projek Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (2008)
- Projek tambakan Seri Tanjung Pinang 1 (1997)
- Projek tambakan Seri Tanjung Pinang 2 (2014)
- Projek tambakan di Queens Waterfront, Bayan Lepas (2015)
- Projek tambakan di Persiaran Gurney (2016)

Cadangan projek tambakan laut untuk bina tiga pulau buatan di selatan Pulau Pinang (Belum Bermula)

- Tiga pulau buatan berkeluasan 1,700 hektar
- Tiga pulau buatan merentang dari selatan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ke arah timur sekitar Permatang Damar Laut
- Projek mampu jana sehingga RM70 bilion
- Jangka masa projek tebus guna adalah selama 15 tahun
- Keseluruhan projek dijangka siap antara 30 dan 50 tahun
- Tujuan projek untuk biaya projek mega Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang bernilai RM46 bilion antaranya LRT, monorel, teks air, kereta kabel, terowong dasar laut dan beberapa lebuh raya